

13 SEP 2003

Mahathir-PBB/I

KEUTAMAAN PBB IALAH MENYELESAIKAN ISU PALESTIN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu memberikan keutamaan untuk menyelesaikan isu penduduk Palestin, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata punca kepada isu itu ialah pertelingkahan mengenai wilayah dan bukannya agama.

"Tanah mereka (penduduk Palestin) telah dirampas. Mereka telah dihalau dari rumah mereka dan orang Israel menduduki kawasan tempat tinggal mereka," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

Oleh itu, beliau berkata punca-puncunya perlu dihapuskan dan "ia sebenarnya amat mudah (untuk menyelesaikan isu itu)."

Beliau mengulas mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh PBB sekarang dalam menyelesaikan isu penduduk Palestin.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berpendapat PBB tidak boleh berbuat banyak dalam menyelesaikan isu itu kecuali negara-negara kuasa besar menghormati janji mereka.

Beliau berkata adalah sedih kerana PBB telah menjadi sebuah organisasi yang paling tidak demokratik dan "orang-orang tidak demokratik ini tidak mempunyai hak moral untuk menyuruh orang lain supaya menjadi demokratik."

Dr Mahathir berkata beliau tidak sependapat dengan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa Islam membenarkan serangan berani mati yang dilakukan oleh penduduk Palestin dalam menyelesaikan isu mereka.

Abdul Hadi dilaporkan sebagai berkata bahawa Islam membenarkan tindakan seumpama itu walaupun ia menyebabkan orang awam turut terbunuh.

Perdana Menteri berkata tindakan seumpama itu tidak mengikut ajaran Islam.

"Berjuang adalah satu perkara, tetapi jika anda pergi naik bas sekolah dan membunuh semua murid sekolah, saya tidak fikir itu adalah satu tindakan berani," katanya.

Walaupun penduduk Palestin terpaksa berjuang tanpa senjata yang sepatutnya dalam mempertahankan kemerdekaan mereka, adalah salah untuk memilih melakukan serangan berani mati terutamanya apabila membunuh orang-orang yang tidak bersalah.

Mengenai pendirian PAS yang menyokong puak Hamas, Dr Mahathir berkata ia menunjukkan bahawa PAS bersedia untuk menyokong pengeboman dan pembunuhan rakyat biasa yang tidak bersalah.

Menjawab soalan mengenai kabinet pilihan raya bayangan PAS bagi pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata: "Dia pun ada bajet bayangan. Boleh lah buat bajet pakai duit orang lain."

Beliau berkata PAS di Kelantan dan Terengganu "tidak tahu macam mana nak tapis air, inikan pula nak perintah negara."

-- BERNAMA

JM HK RHM